

MEMO BENDAHARI BIL. 01/2019

NO. RUJUKAN : UNISEL/PB/500/04/2019(01)
TARIKH : 31 JANUARI 2019
KEPADA : SEMUA STAF UNIVERSITI SELANGOR
DARIPADA : BENDAHARI
PERKARA : MAKLUMAN PENGGUNAAN SISTEM PENGURUSAN KEWANGAN (SPK), TOTAL CAMPUS MANAGEMENT SYSTEM (TCMS) BAGI SEMUA URUSAN KERJA DI PEJABAT BENDAHARI BERKUATKUASA 1 FEBRUARI 2019

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

YBhg. Dato'/Datin/Prof./Prof. Madya/Dr./Cik/Tuan/Puan,

1.0 TUJUAN

Memo ini adalah merupakan makluman mengenai penguatkuasaan penggunaan **Sistem Pengurusan Kewangan (SPK), TCMS** yang baharu bagi semua proses kerja di Pejabat Bendahari, Universiti Selangor (UNISEL).

2.0 LATAR BELAKANG

Pejabat Bendahari mempunyai 13 Modul di dalam Sistem Pengurusan Kewangan, TCMS yang telah dibangunkan untuk kegunaan semua staf UNISEL. Sistem ini akan beroperasi sepenuhnya bagi menggantikan Sistem Kewangan Bestari.

3.0 TINDAKAN STAF

- 3.1 Dimaklumkan bahawa Pejabat Bendahari telah mengadakan Kursus pengendalian SPK kepada para Pentadbir Sistem TCMS di semua peringkat Unit/Pejabat/Jabatan/Fakulti pada 24 & 29 Januari 2019 yang lalu. Sehubungan ini, bagi memastikan kelancaran proses kerja yang melibatkan SPK, para Pentadbir Sistem TCMS adalah bertanggungjawab untuk memberi tunjuk ajar kepada staf di Unit/Pejabat/Jabatan/Fakulti masing-masing.

**PEJABAT KEWANGAN
FINANCE**

Bestari Jaya Campus: Jalan Timur Tambahan, 45600 Bestari Jaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

Tel: +603 3280 5040 / +603 3280 5043 Fax: +603 3289 8255

Shah Alam City Campus: Jalan Zirkon A 7/A, Section 7, 40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

Tel: +603 5522 3558 / +603 5513 9144 Fax: +603 5513 0957

finance@unisel.edu.my / i_kewangan@unisel.edu.my



**MAKLUMAN PENGGUNAAN SISTEM TOTAL CAMPUS MANAGEMENT SYSTEM (TCMS)
BAGI SEMUA URUSAN KERJA DI PEJABAT BENDAHARI BERKUATKUASA 1 FEBRUARI
2019**

-02-

- 3.2 Sistem Pengurusan Kewangan ini akan diaktifkan bagi semua proses kerja yang melibatkan Unit Perolehan, Unit Pembayaran, Unit Pendahuluan, Unit Laporan & Bajet, dan juga Unit Kewangan Pelajar & Kawalan Kredit. Oleh itu, semua staf perlu menggunakan sistem ini untuk berurusan dengan Pejabat Bendahari.
- 3.3 Bagi memudahkan pengguna sistem, Manual Pengguna turut disediakan pada skrin Sistem Pengurusan Kewangan bagi tujuan rujukan oleh semua staf. Jika ada sebarang permasalahan atau isu yang timbul pada masa penggunaannya, perkara ini boleh diemelkan ke alamat aduan_spk@unisel.edu.my. Permasalahan dan isu yang diemelkan ini akan diselesaikan dalam tempoh masa **tiga (3) hari waktu bekerja** (bergantung kepada masalah yang diajukan).

4.0 PELAKSANAAN

Penggunaan Sistem Pengurusan Kewangan kepada semua staf akan dikuatkuasakan pada **1 FEBRUARI 2019**. Sokongan dan kerjasama daripada semua staf berkaitan perkara ini adalah sangat dihargai.

Sekian, terima kasih.

Yang Benar ,



ZAITUN BINTI ABD MALEK

Bendahari

Universiti Selangor

s.k : Prof. Dato'. Dr. Mohammad Redzuan Bin Othman, Presiden & Naib
Canselor
Tuan Haji Shamsul Azhar, Pendaftar
Puan Hajah Ruhani Zakaria, Pengarah Pejabat Pentadbiran & Sumber
Manusia

